

# **GAYA UJARAN BERBANTU KOMPUTER DALAM KALANGAN KANAK-KANAK SEKOLAH RENDAH**

*Siti Muslihah Isnain*

[sitimuslihahisnain@yahoo.com.my](mailto:sitimuslihahisnain@yahoo.com.my)

*Normaliza Abd Rahim*

[drnormaliza@gmail.com](mailto:drnormaliza@gmail.com)

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia

## **Abstrak**

Makalah ini membincangkan gaya ujaran kanak-kanak yang dipengaruhi oleh penggunaan alat multimedia, iaitu komputer. Dalam kajian ini, komputer digunakan sebagai alat rangsangan supaya kanak-kanak menghasilkan gaya ujaran dalam perbualan mereka. Perbualan kanak-kanak dirakamkan dan dianalisis menggunakan Teori Gaya Ujaran berdasarkan 20 senarai asas ujaran yang bersifat positif. Kanak-kanak dilihat dapat menghasilkan gaya ujaran dan berupaya mengadakan situasi komunikasi. Analisis membuktikan kanak-kanak mempunyai pelbagai gaya ujaran mereka sendiri. Kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat tentang gaya ujaran yang terhasil berdasarkan bantuan alat rangsangan, seperti komputer dalam kalangan kanak-kanak.

Kata kunci: gaya ujaran, ujaran kanak-kanak, ujaran berbantu komputer

***Abstract***

*This article discusses how the conversational style of children has been influenced by the multimedia device that is the computer. It shows that computers help children converse and also influences their conversational style. The children's conversations were recorded and analysed using the Conversational Style Theory based on a list of 20 basic positive utterance. As a result of stimulation by computers, children are seen to produce conversation styles and able to handle communication situations. The analysis also proved that children have their own conversational style. It is hoped that this study will provide a little more information about the conversational style among children that results from the stimulation provided by computers.*

*Keywords:* *Conversational style, children's conversation, computer help in conversation*

## **PENDAHULUAN**

Kanak-kanak menggunakan bahasa untuk membuat ujaran. Kanak-kanak mengujarkan sesuatu untuk menceritakan tentang pengalaman dirinya, keluarga, dan peristiwa yang mempunyai konteks atau hubungan, situasi dan latar belakang budaya berkaitan dengan topik yang sedang dibualkan. Secara dasarnya, kanak-kanak akan mengujarkan apa-apa sahaja yang mereka tahu walaupun ujaran mereka lari daripada topik yang sedang diperkatakan. Hal ini berdasarkan pendapat Normaliza Abd Rahim *et al.*, 2008, yang menyatakan bahawa terdapat pelbagai sudut pandangan tentang gaya ujaran manusia terutama gaya ujaran yang dihasilkan oleh kanak-kanak. Menurutnya, kanak-kanak akan bercakap apa-apa sahaja yang terlintas dalam fikiran mereka. Oleh sebab itu, kadangkala kanak-kanak mengujarkan sesuatu yang berada di luar daripada konsep dan konteks. Konsep dan konteks yang “lari” ini juga akan menjelaskan tatabahasa yang dihasilkan oleh mereka. Namun begitu, walaupun tatabahasa mereka mempunyai kecaburan terutamanya bagi pendengar yang terdiri daripada orang dewasa, namun makna yang ingin mereka sampaikan dapat difahami dengan rujukan terhadap situasi ujaran tersebut.

Menurut Robinson (Normaliza, 2005), terdapat beberapa kelebihan dalam gaya ujaran seseorang. Beliau menyatakan bahawa dalam sesuatu ujaran, pendengar dapat memberikan tumpuan semasa seseorang sedang

mengujarkan sesuatu perkara. Dengan mempamerkan gaya ujaran semasa bertutur, seseorang akan dapat mempelajari daripada kesilapan apabila ditegur oleh pendengar. Maka si pengajar akan dapat belajar memperbetul sesuatu perkara yang salah. Hal inilah yang membantu seseorang menyertai sesuatu perbualan jika perkara yang diujarkan dengan cara yang menarik dan menyeronokkan. Menurutnya lagi, gaya ujaran yang dipamerkan oleh pengajar akan membentuk sahsiah dan menjadikan seseorang itu berada dalam lingkungan dirinya sendiri. Perkara ini juga boleh dikaitkan dengan penggunaan bahan rangsangan dan kesannya terhadap gaya ujaran yang dihasilkan oleh manusia terutamanya kanak-kanak. Menurut Mayer (2004), gaya ujaran boleh dipengaruhi oleh penggunaan bahan multimedia seperti komputer dan juga perisian yang menarik minat individu. Hal ini disebabkan penggunaan komputer yang menerapkan unsur animasi, penceritaan dan gambar yang menarik mengajak kanak-kanak membuat ujaran dan mempamerkan gaya ujaran mereka. Hal ini secara tidak langsung akan dapat memperlihatkan reaksi peribadi seseorang apabila mereka mempamerkan gaya ujaran yang tertentu semasa mempelajarinya.

Min Lee *et al.*, (2007) menyatakan bahawa penggunaan bahan media terutamanya komputer bukan sahaja perlu bagi orang dewasa malah dilihat signifikan bagi kanak-kanak. Komputer kini digunakan di segenap rumah dan menjadi bahan pembelajaran kanak-kanak, alat hubung serta komunikasi untuk memenuhi tuntutan harian dan keperluan mereka. Mayer *et al.*, (2004) menambah, penggunaan komputer dalam sesi pembelajaran merupakan satu daripada proses pembelajaran melalui bahan multimedia. Perkara ini telah menarik ramai pengkaji untuk mengkaji kepentingan penggunaan bahan media terhadap perkembangan kanak-kanak khususnya dalam pembelajaran dan juga kemahiran pertuturan. Oleh sebab itu, beberapa dekad kebelakangan ini, para pengkaji telah berusaha menemukan beberapa cara menjadikan pembelajaran berasaskan komputer dalam situasi yang berupaya menarik minat kanak-kanak. Secara tidak langsung, pembelajaran ini dapat mempengaruhi individu terutamanya kanak-kanak mempelajari teknik bertutur dengan baik.

Hal ini telah dibuktikan bahawa penggunaan komputer dalam pembelajaran meningkatkan gaya dalam ujaran dan sekali gus menambah minat individu untuk lebih mendekati multimedia. Oleh itu, pembelajaran berasaskan komputer dilihat dapat membantu individu dalam membuat ujaran dan gaya yang dapat membentuk personaliti seseorang (Mayer *et al.*, 2004).

Dalam menghuraikan gaya ujaran kanak-kanak dalam kajian ini, Teori Gaya Ujaran yang telah diperkenalkan oleh Tannen (1979) digunakan. Penggunaan pendekatan ini menyerlahkan gaya ujaran yang mereka hasilkan. Kajian ini merungkai gaya ujaran yang ditunjukkan oleh kanak-kanak semasa membuat ujaran bersama-sama rakan, dan melihat pengaruh penggunaan komputer terhadap gaya ujaran yang dipamerkan oleh mereka.

Menurut Asmah Omar (1995), hakikat kajian mengenai analisis ujaran telah lama dilakukan di Amerika dan Eropah. Namun begitu, usaha seperti ini jarang-jarang dijalankan di Malaysia terutama sekali yang melibatkan kanak-kanak. Gaya ujaran juga boleh dipengaruhi oleh penggunaan komputer dalam kehidupan harian kanak-kanak. Namun begitu, terdapat segelintir ibu bapa yang tidak menggalakkan anak-anak bermain dengan komputer kerana beranggapan komputer akan membawa pengaruh negatif terhadap perkembangan mereka, meskipun bahan media dalam komputer banyak mempengaruhi sikap positif kanak-kanak, terutama sekali untuk meningkatkan kemahiran pembelajaran serta komunikasi lisan (Goh Chee Leong, 2010). Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui gaya yang ditunjukkan oleh kanak-kanak semasa membuat ujaran bersama-sama rakan. Penggunaan komputer membantu penghasilan gaya ujaran yang dipamerkan oleh mereka semasa berada dalam kumpulan juga turut diperhatikan.

Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian, iaitu melalui rakaman video, soal selidik dan juga temu bual. Rakaman dijalankan sepanjang tempoh perbualan antara kanak-kanak di dalam kelas, iaitu semasa perisian multimedia ditayangkan. Sampel kajian terdiri daripada kanak-kanak yang berumur sembilan tahun dari Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam, Johor. Seramai 100 orang pelajar terpilih daripada tiga kelas yang paling atas. Sampel yang dipilih juga berdasarkan pencapaian akademik mereka. Pemilihan pelajar dari sekolah Kebangsaan Ayer Hitam dibuat kerana sekolah itu berada di luar bandar, dan dari segi prestasi, sekolah ini menunjukkan peningkatan dalam bidang kurikulum. Perbualan yang dirakamkan ini dianalisis menggunakan Teori Gaya Ujaran dan berdasarkan 20 senarai asas ujaran yang bersifat positif. Kaedah pemerhatian dan juga rakaman dilaksanakan memanfaatkan cadangan Labov. Menurut Labov (1970), cara yang terbaik untuk memperoleh data yang bermutu dan lengkap daripada percakapan individu adalah dengan merakamkan perbualan melalui pemerhatian. Tujuan kajian ini untuk membincangkan

dan mengenal pasti gaya ujaran berbantuan komputer dalam kalangan kanak-kanak sekolah rendah.

## TEORI GAYA UJARAN

Kajian ini dianalisis berdasarkan Teori Gaya Ujaran yang dipelopori oleh Tannen (1979). Menurut Tannen, gaya ujaran seseorang boleh dilihat melalui fonologi, sintaksis, paralinguistik dan kepelbagaiannya pragmatik. Teori ini juga menganalisis bahasa yang digunakan atau gaya ujaran yang lebih komprehensif, iaitu menyentuh aspek tingkah laku, seperti gaya nonverbal, ekspresi wajah, gerak tubuh dan sebagainya. Dalam kajiannya yang lain, Tannen (1975), telah mencuba alat linguistik sebanyak yang mungkin yang merangsang gaya ujaran. Tannen (1975) juga menemukan interaksi yang sama dan juga gaya interaksi yang berbeza.

## ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan kajian yang dijalankan, responden yang terpilih dikategorikan mengikut peratusan jantina, pekerjaan ibu bapa, kemudahan alat multimedia di rumah dan kemudahan perkhidmatan komputer sama ada di sekolah atau di rumah masing-masing. Responden juga dikategorikan mengikut pekerjaan ibu bapa mereka dan mengikut teknologi IT yang dikuasai oleh kanak-kanak tersebut.

Dalam kajian ini sebanyak 100 orang responden dipilih secara rawak. Sebanyak 59 orang lelaki, iaitu mewakili sebanyak 59 peratus dan 41 orang perempuan yang mewakili sebanyak 41 peratus telah dipilih menjadi sampel dalam kajian ini. Kesemua responden yang dipilih berbangsa Melayu, yang terdiri daripada murid-murid Sekolah Kebangsaan Ayer Hitam, Batu Pahat, Johor, iaitu murid-murid tahun tiga. Kesemua responden tinggal di kawasan luar bandar. Pekerjaan ibu bapa mereka kebanyakannya pemandu lori, iaitu sebanyak 60 peratus, 20 peratus bekerja sebagai penyelia kilang, 10 peratus bekerja sebagai guru dan sebanyak 10 peratus mempunyai pekerjaan lain. Sebanyak tujuh alat multimedia telah disenaraikan bagi mengetahui keperluan multimedia yang telah didedahkan atau diperkenalkan kepada kesemua responden.


Dapatan kajian menunjukkan kesemua responden mengikuti rancangan televisyen di rumah. Hal ini dapat dilihat melalui jumlah peratusan, iaitu sebanyak 100 peratus yang mewakili keseluruhan responden menonton televisyen di rumah. Sebanyak 90 peratus responden mendengar radio,

96 peratus sampel menonton DVD, dan sebanyak 92 peratus responden menggunakan telefon bimbit. Selain itu, hanya 57 peratus sahaja dicatatkan menggunakan komputer dan 17 peratus bagi responden yang mempunyai *playstation* di rumah.

Bagi kemudahan perkhidmatan komputer, sebanyak 69 peratus responden berpeluang menggunakan komputer sekali seminggu, iaitu semasa pembelajaran bahasa Inggeris dan juga bahasa Melayu. Selebihnya, iaitu sebanyak 22 peratus responden menggunakan komputer dua kali seminggu, lapan peratus responden menggunakan komputer tiga kali seminggu dan selebihnya, iaitu sebanyak tiga peratus responden menggunakan komputer empat kali seminggu. Mereka juga menggunakan perkhidmatan internet dan bermain permainan (*game*) dalam komputer. Sebanyak 63 peratus responden bermain permainan, 36 peratus responden bermain internet, 19 peratus responden mempunyai laman sosial Facebook, tujuh peratus responden mempunyai e-mel, dan selebihnya mempunyai laman sosial yang lain, seperti blog, *myspace*, *friendster* dan *chatting*. Kebanyakan responden didapati tidak begitu mahir menggunakan komputer.

Daripada kajian yang dijalankan didapati terdapat beberapa gaya yang ditunjukkan oleh kanak-kanak semasa berbual dan membuat ujaran dalam kalangan rakan sebaya mereka. Sebanyak 20 item gaya ujaran yang disenaraikan dan menjadi asas dalam penghuraian gaya ujaran yang ditunjukkan oleh kanak-kanak. Perbualan dirakamkan melalui alat perakam semasa tayangan multimedia dipaparkan pada skrin komputer. Kebanyakan kanak-kanak suka berbual antara satu sama lain dan memberikan pendapat mereka. Dalam kajian ini didapati pelbagai gaya ujaran ditunjukkan oleh kanak-kanak. Gaya ujaran ini dihuraikan melalui perbualan kanak-kanak yang terlibat.

Item pertama, iaitu item *Saya mengujarkan sesuatu secara peribadi*. Jumlah peratusan bagi kategori setuju dicatatkan sebanyak 36 peratus, iaitu mewakili seramai 36 responden daripada jumlah keseluruhan, manakala sebanyak 64 peratus daripada keseluruhan responden pula tidak pasti dan tidak setuju untuk mengujarkan perkara peribadi. Sepanjang kajian dijalankan, responden kurang mengujarkan sesuatu secara peribadi apabila bersama-sama rakan. Keadaan ini mungkin disebabkan sifat malu dan juga sifat rendah diri yang masih ada dalam diri mereka. Jika dilihat latar belakang subjek, majoriti daripada mereka terdiri daripada kelas pertama dan kedua tertinggi dalam kurikulum. Sikap responden ini mungkin disebabkan oleh latar belakang keluarga yang berasal dari



**Rajah 1:** Peratus Ujaran kanak-kanak.

luar bandar, dan juga ibu bapa yang bekerja sebagai buruh dan juga pemandu lori. Latar belakang sosial kadangkala memainkan peranan penting dalam membentuk sahsiah kanak-kanak. Didikan dan juga norma hidup yang melatari sesebuah keluarga menyebabkan ahli di dalamnya sentiasa menjaga tatasusila. Bercakap tentang peribadi sendiri kadangkala dilihat sebagai bermegah-megah atau menunjuk-nunjuk. Namun dalam hal tertentu, mengujarkan perkara peribadi adalah sesuatu perkara biasa terutama sekali bagi golongan kanak-kanak. Perlakuan ini membina keyakinan diri mereka semasa membuat ujaran. Hal ini dapat dibuktikan melalui ujaran:

- S1a: *Eh, ni macam seronok kan?*  
S2b: *Yelah, boleh tekan-tekan. Ni apa kakak?*  
P: *Ni namanya komputer riba. Kita guna sama macam komputer.*  
S1a: *Kakak saya ada satu!*  
S2b: *Eleh, kakak kita pun ada...*

Pemberitahuan Subjek 1a tentang komputer peribadi kakaknya mempengaruhi Subjek 2b. Perkataan yang diujarkan Subjek 1a dan Subjek 2b dilihat sebagai ujaran secara peribadi. Hal ini menunjukkan kanak-kanak menyatakan sesuatu yang dianggap peribadi kepada rakannya, iaitu individu yang rapat dengannya.

Bagi item kedua, iaitu *saya memberikan ujaran mengikut gerak hati* didapati bahawa kanak-kanak, iaitu subjek telah mengujarkan sesuatu mengikut gerak hati mereka. Berdasarkan data yang diperoleh, keseluruhan responden yang terlibat dilihat mengujarkan sesuatu mengikut gerak hati mereka. Jumlah peratusan tertinggi, iaitu 100 peratus dicatatkan bagi gaya ujaran yang telah ditunjukkan oleh kanak-kanak yang terlibat. Contoh ujaran mengikut gerak hati adalah seperti yang berikut:

- S3a: *Kakak, ni kalau tekan ada apa-apa tak?*  
S4a: *Eh, kau ni. Tak meletuplah!*  
P: *(tersenyum) tak, kamu boleh tekan dan tengok apa dalamnya.*  
S3b: *Ok, aku tekan ni! Wah! Cantik!*  
S4b: *Cuba yang ni?*  
S3c: *Ala kejaplah kau ni. Aku yang dapat dulu. Aku main dulu.*  
S4c: *(senyap)*

Ujaran Subjek 4a seperti ini biasanya akan diujarkan kanak-kanak semasa mereka ingin memberitahu sesuatu yang mereka faham. Hal ini menunjukkan bahawa bukan sahaja orang dewasa mengujarkan sesuatu mengikut gerak hati tetapi kanak-kanak juga berbuat demikian. Dalam kajian ini didapati gaya ujaran ini lebih dekat dengan diri kanak-kanak.

Seterusnya, bagi item *saya memberikan ujaran dengan spontan*, graf menunjukkan sebanyak 100 peratus, iaitu mewakili keseluruhan jumlah responden yang terlibat mengujarkan sesuatu secara spontan. Kanak-kanak mengujarkan sesuatu secara spontan sepanjang kajian dijalankan. Kanak-kanak bercakap apa-apa sahaja jika ditanya tentang sesuatu perkara yang memerlukan penjelasan mereka. Situasi yang sama diperhatikan dan dapat disimpulkan bahawa kanak-kanak mengujarkan sesuatu secara

spontan untuk mendapatkan perhatian daripada orang yang baru dikenali ataupun yang lebih dewasa daripada mereka. Hal ini dapat dilihat melalui ujaran:

*S5a: Eh, kau ni tekan sembarangla.. tekan sini! Mehla aku tekan!*

*S6a: Sabarlah kau ni!*

*S5b: Haha! Kau tengok ada kucing belang, cantikkan?*

Daripada perbualan dapat dilihat bahawa Subjek 5a kelihatan seperti memarahi rakannya. Tetapi jika diteliti semula, Subjek 5a sebenarnya memberitahu bahawa dia mengetahui bahagian mana yang hendak ditekan. Sikapnya itu telah mengundang ujaran daripada Subjek 6a yang meminta supaya Subjek 5a bersabar dan memberinya peluang untuk mencuba. Situasi ini memberikan gambaran bahawa kedua-dua subjek sedang mengujarkan sesuatu secara spontan dalam kelompok rakan-rakan. Ujaran secara spontan ini kadangkala bersifat tidak begitu sopan tetapi kadangkala diperlukan untuk menghidupkan suasana, lebih-lebih lagi suasana yang memerlukan tunjuk ajar daripada orang lain. Dalam hal ini, kanak-kanak ini tidak dianggap sebagai tidak sopan, dan ujarannya dapat difahami oleh orang lain yang mendengar perbualan tersebut.

Kanak-kanak juga dilihat akan berkongsi ideanya dengan rakan-rakan semasa membuat ujaran. Bagi item *saya berkongsi idea dengan kawan-kawan*, dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden berkongsi idea semasa berada di dalam kumpulan. Berdasarkan graf di atas, sebanyak 97 peratus, iaitu mewakili seramai 97 orang subjek dikenal pasti berkongsi idea dengan rakan-rakan. Hal ini dapat dilihat melalui ujaran:

*S7a: Wah, cantiknya! Saya nak tekan yang ni!*

*S8a: Awak tekanlah cepat. Tak sabar ni.*


*S7b: Cantik, warna-warni kan?*

Situasi ini menunjukkan bahawa kanak-kanak akan memberikan idea pada waktu tertentu. Subjek 8a memberikan galakan atas idea Subjek 7a untuk menekan papan kekunci yang dipilihnya untuk ditekan. Kanak-kanak kelihatan sukar memberikan idea kepada orang dewasa. Kanak-kanak membina idea semasa kecil untuk dijadikan sebagai inspirasi kejayaan mereka pada masa hadapan. Idea yang diberi sepatautnya perlu disokong oleh orang dewasa dan idea yang bernas diambil kira untuk dimanfaatkan. Selebihnya, iaitu sebanyak tiga peratus, mewakili tiga orang subjek dilihat

tidak memberikan respons atau mencetuskan idea fikiran kepada rakan. Hal ini dilihat sebagai suatu yang agak berbeza berbanding dengan subjek yang lain yang sering memberikan idea kepada rakan mereka. Berdasarkan pemerhatian, tiga orang subjek yang terlibat ini mempunyai sifat pendiam dan malu untuk berkongsi idea dengan rakan. Subjek yang terlibat sukar bergaul dengan rakan semasa berada dalam kumpulan.

Berdasarkan Rajah 2, data yang diperoleh menunjukkan item *saya menyokong ujaran rakan-rakan*. Jumlah peratusan yang dicatatkan ialah sebanyak 94 peratus, iaitu mewakili seramai 94 peratus orang daripada jumlah keseluruhan kanak-kanak yang terlibat dalam kajian ini. Sepanjang kajian yang dijalankan, didapati kanak-kanak menyokong ujaran rakan. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:

- S9: *Eh, ni macam seronok kan?*  
 S10: *Yelah, boleh tekan-tekan. Ni apa kakak?*  
 P: *Ni namanya komputer riba. Kita guna sama macam komputer.*  
 S9: *Kakak saya ada satu!*  
 S10: *Eleh, kakak kita pun ada...*



**Rajah 2** Peratus ujaran kanak-kanak 2.

Berdasarkan perbualan di atas, perkataan *Yelah* digunakan oleh Subjek 10. Kata *Yelah* itu merujuk sokongan kerana subjek 10 menyokong ujaran Subjek 9, iaitu bersetuju bahawa perisian multimedia tersebut menyeronokkan. Subjek 9 memberitahu rakannya bahawa kakaknya memiliki komputer riba seperti di hadapannya. Ujarannya itu memerlukan jawapan atau pendapat rakan yang mendengarnya. Subjek 10 menyatakan bahawa kakaknya juga memiliki komputer riba seperti kakak kepada Subjek 9. Perkataan yang diujarkan oleh kedua-dua subjek dilihat sebagai ujaran peribadi dan sokongan antara satu sama lain. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak adakala menyokong ujaran rakan jika bersetuju dengan pendapat rakan.

Bagi item keenam, iaitu *saya memberikan tumpuan semasa rakan memberikan ujaran*. Berdasarkan data yang diperoleh, sebanyak 97 peratus, iaitu mewakili seramai 97 orang subjek memberikan tumpuan semasa rakan mereka memberikan ujaran. Hal ini dapat dilihat melalui tindak balas yang diterima dalam kajian dijalankan. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:

- S11: *Eh, ko ni kenapa tak tekan?*  
S12: *Mane la aku tau weh, aku tak pandaila*

P: *(tersenyum) tak, kamu boleh tekan dan tengok apa dalamnya.*

S13: *Cube tekan yang ni. Meh aku tekan.*

S14: *Yang ni...ni..*

S11: *Bukan yang ni la..haa..kan dah!*

S14: *(senyap)*

Daripada ujaran di atas jelas dilihat subjek yang terlibat dalam kumpulan tersebut memberikan tumpuan terhadap apa yang diujarkan. Mereka saling membantu dan memberikan tunjuk ajar serta memberikan pandangan semasa berada dalam kumpulan. Subjek 11 memberikan tumpuan kepada ahli kumpulannya yang tidak menekan apa-apa pada papan kekunci komputer riba yang disediakan. Oleh sebab Subjek 12 tidak pandai menekan (papan kekunci), Subjek 13 yang menyatakan kesediaannya menekan papan kekunci pada komputer riba tersebut. Subjek 14 pula bersetuju dengan Subjek 13 dan menunjukkan bahagian mana yang perlu ditekan. Namun Subjek 11 kembali bersuara dan menyatakan bahawa papan kekunci yang ditekan oleh Subjek 13 adalah salah. Perbualan yang berlaku antara subjek ini jelas menunjukkan sikap memberikan tumpuan sepenuhnya semasa rakan membuat ujaran dan apa yang dilakukan

rakannya. Selebihnya, iaitu sebanyak tiga peratus, mewakili seramai tiga orang subjek dilihat tidak memberikan tumpuan semasa rakan membuat ujaran semasa berada dalam kumpulannya. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:

*S15: ko rase yang ni ok tak?*

*S16: emm...emmm (menggeleng tidak tahu)*

*S15: Weh, jomla kite tekan same-same!*

*S17: tak nak..(menjauhkan diri seolah-olah malu)*

*S18: (senyap)*

Daripada perbualan di atas, didapati bahawa Subjek 16, Subjek 17 dan Subjek 18 tidak memberikan sebarang tindak balas semasa Subjek 15 mengajak mereka menekan papan kekunci tersebut. Hal ini dapat diperhatikan melalui kata-kata daripada Subjek 17, iaitu *tak nak* yang merujuk sikap tidak mahu atau tak mahu ambil tahu terhadap sesuatu. Dapat dilihat tiga subjek tersebut dalam kumpulan ini mempunyai sifat malu dan juga tidak mahu berkongsi idea serta pendapat dengan rakan. Hanya segelintir kanak-kanak yang bersikap tidak mahu mengambil tahu dan juga memencil diri, empat peratus.

Seterusnya, bagi gaya ujaran *saya memberikan ujaran dengan bertenaga*, graf menunjukkan sebanyak 96 peratus juga, iaitu mewakili 96 orang jumlah sampel yang terlibat telah mengujarkan sesuatu secara bertenaga. Subjek dilihat mengujarkan sesuatu secara bertenaga sepanjang kajian dijalankan. Mereka didapati akan bercakap apa-apa sahaja jika ditanyakan tentang sesuatu perkara yang memerlukan penjelasan. Mereka juga dilihat mengujarkan sesuatu luar daripada perkara yang sedang dibincangkan. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:

*S15: Eh cantik pulak rama-rama ni ek? (gaya bersungguh)*

*S16: Eh ko tau, rama-rama banyak kat taman rama-rama. Ko penah pegi? (memusing-musingkan badan sambil tersengih)*

*S17: Penah je! Ayah aku tangkap rama-rama! (bersungguh lalu senyum lebar)*

*S18: Eh, aku penah jugak pegi! (bersahaja dan bersungguh)*

Kesemua subjek dilihat memberikan ujaran secara bertenaga dan juga kelihatan mahu memberitahu tentang pengalaman dirinya (dengan reaksi dan gaya menuturkan kata-kata secara bersungguh-sungguh).

Walaupun S16 lari daripada topik yang dibincangkan oleh S15, tetapi respons daripada S17 dan S18 menjawab ujaran S16. Selebihnya, iaitu seramai empat orang subjek pula dilihat tidak memberikan ujaran secara bertenaga semasa berada di dalam kumpulan. Hal ini mungkin disebabkan mereka tidak begitu berminat dengan perisian multimedia yang tersedia ada. Mereka kurang memberikan tindak balas yang baik semasa kajian dijalankan. Ujaran seperti *emm... ok* dan menggelengkan kepala merupakan tanda ujaran secara tidak bertenaga.

Subjek juga dilihat berminat semasa membuat ujaran. Bagi item *saya berminat semasa memberikan ujaran*, sebanyak 96 peratus, iaitu mewakili seramai 96 orang subjek telah dikenal pasti berminat semasa membuat ujaran dengan rakan. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:

S19: *Korang pandai kan baca sajak?*

S20: *Saya tau! Saya tau! (berminat)*


S21: *Ko bukak sajak satu. Kita baca sama-sama.*

S22: *Jom! Aku nak baca jugak.(ambil tersenyum)*

Melalui ujaran yang dibuat, Subjek 20 menunjukkan minat dengan menyatakan “saya tahu” sebanyak dua kali ketika S19 bertanya akan kepandaian rakan-rakannya bersajak. Subjek 21 juga menunjukkan minatnya dan mengajak mereka membacanya bersama-sama. Subjek 22 turut menyatakan persetujuannya untuk membaca sajak tersebut dengan penuh minat. Hal ini dapat ditunjukkan melalui ujarannya “*Jom! Aku nak baca jugak*”.

Hanya sebanyak empat peratus, iaitu mewakili seramai empat orang daripada keseluruhan subjek yang terlibat dalam kajian ini telah dilihat tidak begitu berminat semasa membuat ujaran bersama-sama rakan. Ekspresi wajah subjek kelihatan tidak bermaya dan lemah. Hal ini kemungkinan besar disebabkan oleh penggunaan bahan yang tidak sesuai dengan tahap mereka.

Bagi item kesembilan, iaitu *saya memberikan galakan semasa membuat ujaran*, jumlah peratusan yang dicatatkan adalah sebanyak 89 peratus, iaitu mewakili seramai 89 orang daripada jumlah keseluruhan subjek telah memberikan galakan semasa membuat ujaran bersama rakan-rakan. Hal ini dapat dilihat sepanjang kajian dijalankan subjek telah memberikan galakan semasa berada dalam kumpulan. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:



Rajah 3: Peratus ujaran kanak-kanak 3.

S23: Bestnye dapat main ni...(senyum)

S24: Yelah, boleh tekan-tekan. (ambil menekan pada papan kekunci)

S25 :Saya nak tekan yang ni boleh tak?

S26: Boleh, tekanlah cepat! (mengangguk)

Berdasarkan perbualan di atas, Subjek 24 didapati bersetuju dan menggalakkan Subjek 23 menekan papan kekunci. Perkataan “yelah” merupakan galakan agar Subjek 23 menekan papan kekunci. Subjek 26 pula menggalakkan Subjek 25 menekan papan kekunci yang ingin ditekan S25. Perkataan “boleh” menyatakan persetujuan dan “tekanlah cepat” merupakan galakan Subjek 26 kepada Subjek 25. Daripada pemerhatian

didapati kanak-kanak suka berada dalam kumpulan. Mereka bekerjasama dan memberikan galakan antara satu sama lain.

Jumlah peratusan yang selebihnya, iaitu sebanyak 11 peratus mewakili seramai 11 orang subjek dilihat tidak memberikan galakan semasa membuat ujaran bersama-sama rakan. Hal ini dilihat sepanjang penyelidikan, subjek tidak bersepakat dengan rakan semasa berada dalam kumpulan. Mereka tidak memberikan sebarang kerjasama dan pendapat apabila rakan lain meminta mereka berbuat demikian. Subjek yang tidak memberikan galakan ini telah menggunakan perkataan “jangan”, “tak boleh”, “ketepilah” dan lain-lain lagi. Perkataan yang digunakan inilah jelas menunjukkan bahawa subjek tidak memberikan galakan semasa membuat ujaran bersama-sama rakan.

Seterusnya, bagi item *saya kreatif semasa memberikan ujaran*, iaitu kanak-kanak dilihat tidak dapat membuat ujaran secara kreatif. Berdasarkan data yang diperoleh, hanya 21 peratus, iaitu mewakili seramai 21 orang subjek sahaja memberikan ujaran secara kreatif. Yang selebihnya, iaitu sebanyak 79 peratus mewakili 79 orang subjek didapati tidak membuat ujaran secara kreatif. Mereka lebih selesa membuat ujaran biasa dan bersahaja. Mereka juga dilihat hanya menerima bahan yang disediakan tanpa memikirkan untuk menggunakannya bagi menghasilkan sesuatu yang baharu walaupun diminta berbuat demikian. Namun begitu, bagi 21 peratus subjek yang dikenal pasti dapat membuat ujaran pula, contoh ujaran adalah seperti yang berikut:

S27: *Aku rasa nak baca pantun nilah!*

S28: *Emm...apa kata kita nyanyikan pantun ni nak?*

P : (*tersenyum*) *bagus, cubalah.*

S29: *cuba kau ajar kitorang dulu.*

S30: *Ha' ah..(mengangguk)*

Daripada perbualan di atas, Subjek 28 memberikan pendapatnya supaya melagukan pantun yang akan dibaca. Melalui ujaran ini, didapati Subjek 28 seorang yang kreatif. Biasanya pantun hanyalah dibaca berdasarkan rima dan ritma yang telah ditetapkan. Tetapi subjek melagukannya tanpa memberikan gangguan kepada rima dan ritma pantun tersebut. Hal ini menunjukkan kreativiti kanak-kanak. Kreativiti adalah penting bagi percambahan minda kanak-kanak. Pendedahan kepada bahan bacaan yang tinggi akan dapat membantu kanak-kanak berfikir lebih kreatif lagi dan berdaya saing.

Bagi item *saya menggunakan bahasa formal ketika membuat ujaran*, tiada dapat dicatatkan sepanjang penyelidikan dijalankan. Berdasarkan pemerhatian, subjek yang terlibat dilihat tidak membuat ujaran secara formal ketika berada dalam kumpulan atau semasa bercakap dengan penyelidik. Keseluruhan subjek, iaitu 100 peratus mewakili 100 orang subjek tidak menggunakan bahasa formal ketika membuat ujaran bersama rakan-rakan. Formal merupakan satu laras bahasa percakapan yang digunakan yang dianggap sebagai sesuatu yang wajar. Kebiasaannya, pada situasi rasmi bahasa formal akan digunakan, contohnya ketika berjumpa dengan guru dan orang yang dianggap berpengaruh kepada mereka. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:

S31: *Eh korang tengok ni ha! (sambil menunjuk skrin).*

S32: *Mendenye ko ni? (mengerutkan kening).*

S33: *Haha! Kau tengok ada kucing belang, cantikkan?*

S34: *Ha'ahla ko ni. Tu nampak tak kucing belang-belang cam pelangi.*

Berdasarkan perbualan di atas boleh dilihat penggunaan perkataan tidak formal seperti *korang oleh* Subjek 31, *mendenye* dan *ko oleh* Subjek 32. Berdasarkan pemerhatian ini didapati tidak wujud situasi formal. Kewujudan situasi ini disebabkan pergaulan yang rapat antara mereka oleh itu tidak wujud situasi formal.

Bagi item *saya berjujukan membuat ujaran*, peratusan menunjukkan sebanyak 99 peratus, iaitu mewakili seramai 99 orang subjek telah membuat ujaran secara berjujukan. Dapat disimpulkan bahawa kanak-kanak akan membuat ujaran secara berjujukan apabila bercakap dengan rakan-rakan. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:

S35: *Cuba awak tekan yang ni..(menunjuk pada skrin).*

S36: *Awak tekanlah cepat. Tak sabar ni.*

S37: *Ha'ah, ok. Saya tekan eh..(sambil menekan papan kekunci).*

S38: *Wahhh! Cantik ni!(tersenyum luas).*

Melalui ujaran Subjek 35, Subjek 36, Subjek 37 dan Subjek 38 tadi, dapat dilihat dengan jelas bahawa subjek telah memberikan ujaran secara berjujukan.

Bagi item *saya bersahaja ketika membuat ujaran*, graf menunjukkan sebanyak 99 peratus, iaitu mewakili seramai 99 orang subjek membuat ujaran secara bersahaja. Keadaan ini menunjukkan bahawa hampir

keseluruhan subjek telah membuat ujaran secara bersahaja apabila berada dalam kumpulan. Subjek yang terlibat dilihat mengucapkan sesuatu perkara secara bersahaja. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:


S39: *Aku ade benda macam ni kat rumah (memandang rakan-rakan)*

S40: *Ala, aku pun ada jugak. Ayah aku belikan.*

S41: *Hahaha! Aku takde takpe pun? Pandai je! (cekak pinggang)*

S42: *Hehe...*

Berdasarkan perbualan di atas, Subjek 39 memberitahu bahawa kakaknya memiliki komputer riba seperti di hadapannya di rumah. Ujarannya itu telah mempengaruhi Subjek 40 untuk menyatakan bahawa dia juga memiliki komputer riba tetapi kepunyaan ayahnya. Perkataan yang diujarkan oleh kedua-dua subjek merupakan ujaran secara peribadi. Seterusnya, Subjek 41 tertawa dan secara bersahaja menyatakan bahawa dia tidak mempunyai komputer riba namun pandai menggunakaninya. Subjek 42 yang mendengar



**Rajah 4** Peratus ujaran kanak-kanak 4.

perbualan hanya tertawa dan tidak membuat sebarang ujaran. Berdasarkan perbualan, dapat dilihat bahawa subjek yang terlibat telah membuat ujaran secara bersahaja. Hal ini dapat dilihat sepanjang perbualan berlangsung gaya yang ditunjukkan merupakan gaya bersahaja dan tidak menggunakan ayat yang tersusun dan teratur. Hanya seorang subjek sahaja daripada jumlah keseluruhan responden tidak membuat ujaran secara bersahaja. Subjek ini dikenal pasti sebagai seorang yang membuat ujaran dengan tutur kata yang tersusun dan sopan yang hanya mengujarkan sesuatu dengan hormat, sopan dan teratur.

Bagi item *saya mementingkan diri semasa membuat ujaran* pula, sebanyak 21 peratus, iaitu mewakili seramai 21 orang telah dikenal pasti mementingkan diri semasa membuat ujaran bersama-sama rakan. Keadaan ini menunjukkan bahawa hanya segelintir daripada responden yang mengujarkan sesuatu secara mementingkan diri. Ketika berada dalam kumpulan, masing-masing ingin menunjukkan kebolehan yang mereka ada. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:

- S43: *Aku nak buat dulu! (tegas)*
- S44: *Eh, kau ni. Aku lah dulu! Tepilah!*
- S45: *Eh, kakak tengok ni (memanggil penyelidik)*
- S46: *Ntahnye dia ni!/(berkerut kening)*

Berdasarkan perbualan, dapat dilihat terdapat segelintir subjek yang mementingkan diri semasa membuat ujaran bersama-sama rakan. Ini dapat dilihat melalui penggunaan perkataan oleh Subjek 43 “*Aku nak buat dulu!*” dan Subjek 46 “*Eh, kau ni. Aku lah dulu! Tepilah!*”. Berdasarkan penggunaan kedua-dua ayat ini jelaslah bahawa kedua-dua subjek mementingkan diri dalam ujaran. Mereka kelihatan tidak boleh bertolak ansur dan melakukannya bersama-sama. Namun begitu, majoriti daripada subjek yang terlibat tidak mempamerkan ujaran yang mementingkan diri. Sebanyak 78 peratus, iaitu mewakili seramai 78 orang subjek dilihat menunjukkan sikap tolak ansur dan bekerjasama semasa berada dalam kumpulan. Sikap menghormati orang lain dan beralih antara satu sama lain, dapat dilihat di sini.

Seterusnya, bagi item *saya bertimbang rasa semasa membuat ujaran* graf menunjukkan sebanyak 78 peratus juga, iaitu mewakili keseluruhan jumlah sampel yang terlibat telah membuat ujaran dengan bertimbang rasa. Subjek yang terlibat dilihat mengujarkan sesuatu secara bertimbang rasa semasa berada dalam kumpulan. Subjek kebanyakannya memberikan

## JURNAL BAHASA

tunjuk ajar dan tidak mementingkan diri sepanjang penyelidikan dijalankan. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:

S47: *Ni nak tekan yang mana satu ha? (memandang Subjek 48)*

S48: *Ko cuba tekan yang ni (menunjuk pada skrin).*

S49: *Ha'ah cuba tekan yang tu.*

S50: *Yang tu betul kot..*

Berdasarkan ujaran yang telah dilakukan oleh kesemua subjek dalam kumpulan tersebut telah membuat ujaran secara bertimbang rasa. Hal ini dapat dilihat melalui ujaran “*ko cuba tekan yang tu*” dan “*yang tu betul kot*”. Kedua-dua ujaran ini dilihat sebagai bukti kerjasama antara mereka dan sikap bertimbang rasa. Selebihnya, iaitu sebanyak 21 peratus, iaitu mewakili seramai 21 orang subjek kelihatan tidak bertimbang rasa semasa membuat ujaran. Dapatkan ini adalah berkait rapat dengan dapatan yang diperoleh bagi item *saya mementingkan diri semasa memberikan ujaran*. Hal ini adalah disebabkan oleh kedua-duanya mempunyai dapatan yang selari dan sama.

Bagi item *ujaran saya lengkap pula*, graf menunjukkan sebanyak 97 peratus, iaitu mewakili seramai 97 orang subjek telah membuat ujaran secara lengkap. Semasa berada dalam kumpulan, walaupun tidak mempunyai ayat yang tersusun tatabahasanya, tetapi subjek tidak membuat ujaran secara separuh jalan. Hal ini dapat dilihat pada semua ujaran yang dibuat oleh subjek yang terlibat, iaitu:

S51: *Saya suka rama-rama ni! (ekspresi gembira)*

S52: *Ha'ah, cantikkan?*

S53: *Cantik, warna-warni pulak tu. (senyum)*

S54: *Yelah! Aku suka yang ni! (menunjuk ke skrin)*

Berdasarkan perbualan di atas, dapat dilihat bahawa subjek membuat ujaran dengan lengkap. Subjek tidak membuat ujaran secara separuh jalan dan masih berada dalam topik yang sama. Selebihnya, iaitu sebanyak tiga peratus yang mewakili sebanyak tiga orang subjek dilihat tidak membuat ujaran secara lengkap. Subjek yang terlibat ini dilihat banyak berdiam diri semasa rakan-rakan meminta pandangan dan juga tidak menghabiskan ujaran dengan baik.

Seterusnya, bagi item *saya tenang semasa membuat ujaran*, jumlah peratusan yang dicatatkan ialah sebanyak 80 peratus, iaitu mewakili seramai 80 orang daripada jumlah keseluruhan responden yang terlibat sepanjang

kajian dijalankan. Sepanjang penyelidikan berlangsung majoriti subjek dilihat tenang semasa membuat ujaran. Mereka dilihat membuat ujaran dengan hormat dan tidak tergopoh-gapah semasa mengujarkan sesuatu. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:

*S55: Kita tekan satu-satu dulu nak?*

*S56: Aku ok je. Ko lah tekan dulu.*

*S57: Aku dulu eh?*

*S58: Ha'ah ko dulu la..*


Terdapat segelintir subjek yang dilihat tidak membuat ujaran dengan tenang semasa berada dalam kumpulan. Dapatan menunjukkan sebanyak 20 peratus, iaitu mewakili sebanyak 20 orang subjek tidak membuat ujaran dengan tenang. Ujaran yang dibuat kebanyakannya tidak tersusun dan kelihatan tergopoh-gapah semasa berada di dalam kumpulan. Hal ini dapat dilihat melalui ujaran:

*S59: Aku tekan ni dulu! (nada tinggi)*

*S60 Ala bagi la aku..eh. ish!ko ni ah!*

*S61: Ish! ni kenapa ngan korang ni ha?*

*S62: Eh, jangan gaduhla!*



**Rajah 5** Peratus ujaran kanak-kanak 5.

## JURNAL BAHASA

Berdasarkan dialog di atas, jelas kelihatan subjek yang terlibat membuat ujaran secara tidak tenang. Subjek 59 dan 60 berbalah. Hal ini telah menunjukkan bahawa subjek telah membuat ujaran secara tidak tenang semasa berada dalam kumpulan. Seterusnya, Subjek 61 cuba meredakan keadaan dengan bertanyakan sebab mereka bergaduh. Subjek 62 pula menyuruh mereka supaya berhenti daripada bergaduh. Ujaran yang dibuat oleh kesemua subjek dianggap sebagai tidak tenang dan diujarkan dalam keadaan yang tegang dan tergopoh-gapah. Subjek 60 misalnya tidak dapat menghabiskan ujarannya dengan baik.

Bagi item *saya fokus semasa membuat ujaran*, sebanyak 97 peratus mewakili seramai 97 orang subjek yang terlibat dilihat terfokus semasa membuat ujaran. Sepanjang kajian dijalankan, subjek yang terlibat dilihat memberikan pemfokusan yang baik. Hal ini dapat dilihat melalui tindak balas yang diterima sepanjang kajian dijalankan. Contoh ujaran adalah seperti yang berikut:

S63: *Apa kata kita baca sama-sama sajak ni?*

S64: *Mane satu? Yang ni ke? (menunjuk ke skrin)*

S65: *Yang ni lah. Jom kita baca sama-sama.*

S66: *Ok..(mengangguk)*

Subjek 63 mengajak rakan-rakannya yang lain membaca sajak pilihannya, dan disambut dengan baik oleh Subjek 64, Subjek 65 dan Subjek 66. Menerusi ujaran yang dilakukan oleh subjek kumpulan ini, dapat dilihat daya fokus yang tinggi telah membenarkan mereka berkomunikasi dengan baik semasa berada dalam kumpulan. Masing-masing dilihat berminat terhadap perisian multimedia yang disediakan dan memberikan fokus yang baik. Selebihnya, iaitu sebanyak tiga peratus, iaitu mewakili seramai tiga orang subjek dilihat tidak memberikan fokus yang baik semasa rakan membuat ujaran dalam kumpulan. Contoh ujaran adalah seperti ujaran pada halaman yang berikutnya:

S67: *ko rase yang ni ok tak?*

S68: *emm...emmm (menggeleng tidak tahu)*

S69: *Weh, jomla kite tekan same-same!*

S70: *tak nak..(menjauhkan diri seolah-olah malu)*

Daripada perbualan di atas, Subjek 68, dan Subjek 70 tidak memberikan sebarang tindak balas semasa Subjek 67 dan Subjek 69 mengajak mereka

menekan pada papan kekunci tersebut. Subjek 70 mengujarkan kata *tak nak*. Perkataan *tak nak* merujuk kepada sikap tidak mahu. Kedua-dua subjek tersebut tidak mempunyai daya fokus yang tinggi dan juga tidak mahu berkongsi idea serta pendapat dengan rakan. Hanya segelintir subjek sahaja tidak memberikan fokus yang tinggi semasa membuat ujaran.

Seterusnya, bagi item *saya memberikan ujaran dengan penuh hormat*, graf menunjukkan sebanyak 96 peratus juga, iaitu mewakili 96 orang subjek daripada jumlah keseluruhan subjek yang terlibat telah memberikan ujaran secara dengan penuh hormat. Subjek yang terlibat dilihat mengujarkan sesuatu secara hormat apabila bercakap dengan rakan dan juga penyelidik sepanjang kajian dijalankan. Hal ini dapat dilihat melalui ujaran:

*S71: Kakak, boleh tekan mana-mana?*

*S72: Ha'ah..kak boleh tak tekan ni? (tunjuk skrin)*

*P : Boleh, awak cuba tekan yang ni..(tunjuk skrin)*

*S73: cepat kite tekan sama-sama nak?*

*S74: ok! (tersenyum)*

Penggunaan kata “boleh tak” tanda memohon izin dan juga penggunaan kata panggilan “kakak” kepada penyelidik sebagai tanda hormat menunjukkan kebolehan kanak-kanak ini menggunakan bahasa yang sopan dan unsur hormat digunakan. Penggunaan kata panggilan ini secara tidak langsung telah menjadikan suasana lebih harmoni dan subjek dilihat mesra dengan penyelidik.

Namun begitu, terdapat juga segelintir subjek yang tidak membuat ujaran secara hormat sama ada ketika bersama-sama rakan atau dengan penyelidik. Dapatkan menunjukkan sebanyak enam peratus, iaitu mewakili seramai enam orang subjek tidak membuat ujaran secara hormat semasa berada dalam kumpulan mereka. Penggunaan perkataan kurang baik dan juga kata sapaan yang kurang elok didengar menunjukkan subjek tidak mengujarkan sesuatu dengan hormat.

Bagi item yang terakhir, iaitu item *saya mempengaruhi semasa membuat ujaran*, dapatkan kajian menunjukkan jumlah peratusan sebanyak 98 peratus, iaitu mewakili seramai 98 orang subjek telah mempengaruhi semasa membuat ujaran bersama rakan-rakan. Hal ini dapat dilihat melalui ujaran:

*S75: Wah, cantiknya! Saya nak tekan yang ni!*

*S76: Yelah, saya pun suka tengok yang ni..*

S77: *Cantik, warna-warni kan?*

S78: *Ha'ah ek..cantik jugak ni..(mengangguk)*

Daripada ujaran di atas, dapat dilihat dengan jelas subjek 75 mempengaruhi rakan-rakannya yang lain semasa membuat ujaran. Ujarannya dipersetuju oleh Subjek 76. Subjek 77 dan juga Subjek 78 juga turut terpengaruh dengan Subjek 75 dan bersetuju bahawa apa yang mereka lihat merupakan sesuatu yang cantik. Namun begitu, ada segelintir subjek yang tidak mempengaruhi orang lain semasa membuat ujaran. Berdasarkan dapatan kajian, hanya sejumlah kecil sahaja, iaitu sebanyak dua peratus mewakili seramai dua orang subjek tidak dapat mempengaruhi orang lain semasa membuat ujaran. Hal ini dilihat subjek kurang bercakap dan juga bergaul semasa berada dalam kumpulan yang telah ditetapkan sepanjang kajian berlangsung. Secara keseluruhan dapatlah dilihat bahawa:

1. Kanak-kanak mempunyai pelbagai gaya ujaran dalam kalangan mereka sendiri.
2. Gaya ujaran yang ditunjukkan adalah seperti menunjukkan minat, bersahaja, memberikan galakan, berkongsi idea, menyokong ujaran, memberikan ujaran dengan spontan, berjujukan semasa memberikan ujaran, bertimbang rasa dan membuat ujaran dengan penuh hormat.
3. Gaya ujaran dalam kalangan kanak-kanak dapat membantu kanak-kanak membentuk peribadi mereka.
4. Penggunaan alat multimedia, seperti komputer telah membina keupayaan komunikasi secara lisan kanak-kanak dan mempengaruhi ujaran dalam kalangan kanak-kanak.

## KESIMPULAN

Kesignifikanan kajian ini terutamanya dalam mengkaji tentang gaya ujaran yang ditunjukkan oleh kanak-kanak dalam kalangan mereka. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kanak-kanak akan mengujarkan sesuatu perkara dengan gaya yang tertentu dan dapat difahami oleh rakannya. Ujaran tersebut dikaji berlandaskan Teori Gaya Ujaran yang dipelopori oleh Tannen (1979). Gaya ujaran yang ditunjukkan oleh kanak-kanak ternyata menyentuh tingkah laku, seperti gaya nonverbal, ekspresi wajah, gerak tubuh dan sebagainya. Kanak-kanak didapati mampu menggunakan

ujaran hormat, menggunakan panggilan yang sesuai mengikut dengan siapa mereka berbicara, bertimbang rasa dan bertolak ansur. Kebolehan mengujarkan gaya ujaran ini menunjukkan kanak-kanak mampu mengadakan situasi komunikasi yang baik. Oleh itu, kajian ini secara tidak langsung telah membuktikan bahawa kanak-kanak juga mempunyai gaya ujaran yang tersendiri dan gaya tersebut dapat dipamerkan dengan bantuan dan rangsangan bahan media seperti komputer.

## RUJUKAN

- Asmah Haji Omar, 1995. "Kajian Bahasa Melayu dalam Usaha Mempertingkatkan Mutu Pengajaran Bahasa Melayu. Kertas Dasar Kongres Bahasa Melayu Sedunia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kwan Min Lee, "Children's Responses to Computer-Synthesized Speech in Educational Media: Gender Consistency and Gender Similarity Effects" dlm. *Human Communication Research* 33:3, 310-29, July 2007.
- Labov, W., 1970. "The Study of Language in its Social Context" dlm. *Studium Generale* 23, 64-84.
- Mayer *et al.*, 2004. "A Personalization Effect in Multimedia Learning: Student Learn Better when Words are in Conversational Style Rather than Formal Style" dlm. *J Educ Psychol* 96, 389-95.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1992. *Semantik dan Pragmatik: Satu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Normaliza Abd Rahim, 2008. "Conversational Style and Gender : Analyzing Informal Conversation Amongst Student and Lecturers at Universiti Putra Malaysia" dlm. *Journal of The World Universities Forum*.
- Normaliza Abd Rahim, 2008. "Helping Children Resolve Conflict in Communications" dlm. *Journal Of The International Journal of Learning*.
- Sperber, D., & Wilson, D., 1986. *Relevance Theory: Communication and Cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sperber, D., & Wilson, D., 1995. Edisi ke-2. *Relevance. Communication and Cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Tannen, 2005. *Conversational Style: Analyzing Talk among Friends*. New Edition. London: Oxford University Press.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2000. "Penggunaan Bahasa dalam Pertuturan

JURNAL BAHASA

- Kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*. Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah, 2002. “*Gangguan dalam Sistem Giliran Bertutur Kanak-kanak Melayu: Satu Analisis Pragmatik*”. Tesis Ph.D, Universiti Putra Malaysia.